



LAPORAN

KORBAN4GAZA

2022

JABATAN PORTFOLIO DAN PROGRAM
PERSATUAN CINTA GAZA MALAYSIA

No. 6-37-2 (Aras 1), Jalan Medan, Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

cgm.com.my
salam@cintagaza.my

PENGENALAN

Korban4Gaza ialah sebuah projek tahunan Persatuan Cinta Gaza Malaysia. Tahun 2021 mencatatkan rekod tertinggi jumlah sembelihan lembu di Gaza iaitu sebanyak 124 ekor lembu dengan 820 orang penama dan manfaat daging korban kepada 34,520 buah keluarga atau 172,600 orang individu.

Pada tahun 2022 kali ini, Persatuan Cinta Gaza Malaysia meneruskan projek korban untuk tahun ke 9 berturut-turut. Pendaftaran telah dibuka dan memberikan peluang kepada rakyat Malaysia yang berkemampuan untuk melaksanakan ibadah korban sambil menginfakkan daging kepada para asnaf yang memerlukan di bumi Gaza.

OBJEKTIF

1. Membuka pendaftaran untuk rakyat Malaysia melaksanakan ibadah korban di Gaza, Palestin.
2. Mewakili rakyat Malaysia melaksanakan ibadah korban di Gaza, Palestin.
3. Melaksanakan kempen kesedaran berkenaan korban dan Palestin secara umum kepada masyarakat di Malaysia.
4. Mencapai minima bilangan seramai 48,000 orang penerima manfaat daging korban di Gaza, Palestin.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Pelancaran Kempen	Ansuran : 28 Januari 2022 Pendaftaran Penuh : 13 Mei 2022
Tempoh Masa Pendaftaran	Ansuran : 28 Januari 2022 - 12 Mei 2022 Pendaftaran Penuh : 13 Mei 2022 - 1 Julai 2022
Lokasi	Gaza, Palestin
Pembekal Lembu	Al Zad Company Khaled Afaneh Sons Company
Pusat Penyembelihan	Ahmed Abu Ajwa Farm
Jumlah pekerja di lapangan	23 orang
Jumlah jam di lapangan	55 jam
Jumlah lembu disembelih	115 ekor
Baka Lembu	European Sharari
Purata berat seekor lembu	520kg
Purata berat daging dihasilkan seekor lembu	240kg
Purata penerima manfaat bagi seekor lembu	1,200 orang
Jumlah berat daging dihasilkan (kg)	27,815kg
Jumlah penerima manfaat	139,075 orang
Lokasi Agihan	1. Gaza Utara (16%) 2. Bandar Gaza (36%) 3. Gaza Tengah (15%) 4. Khan Younis (18%) 5. Rafah (15%)
NGO Kerjasama Tempatan (Penilaian Keperluan dan agihan)	203 buah NGO

JADUAL PENYEMBELIHAN KORBAN GAZA

Aktiviti	Mula	Waktu Gaza	Waktu Malaysia	Tamat	Waktu Gaza	Waktu Malaysia	Giliran
Sesi 1 (18 jam)	9/7	6.00 pm	11.00 pm	10/7	12.00 tgh	5.00 pm	NGO dan 1 - 31
Rehat (6 jam)	10/7	12.00 tgh	5.00 pm	10/7	6.00 pm	11.00 pm	-
Sesi 2 (18 jam)	10/7	6.00 pm	11.00 pm	11/7	12.00 tgh	5.00 pm	32 - 76
Rehat (6 jam)	11/7	12.00 tgh	5.00 pm	11/7	6.00 pm	11.00 pm	-
Sesi 3 (19 jam)	11/7	6.00 pm	11.00 pm	12/7	1.00 pm	6.00 pm	77 - 98

JENIS BANTUAN DAN PENERIMA MANFAAT

Kawasan	Kuantiti (kg)	Penerima Manfaat (Individu)	Peratus Agihan
Gaza Utara	4,450.4	22,252	16%
Gaza	10,013.4	50,067	36%
Gaza Tengah	4,172.25	20,861	15%
Khan Younes	5,006.7	25,034	18%
Rafah	4,172.25	20,861	15%
Jumlah	27,815	139,075	100%

KUTIPAN DANA DAN PERBELANJAAN PROJEK

Kutipan Dana

Perkara	Jumlah (RM)
Pendaftaran Awam Gaza & Malaysia	1,340,850.00
Pendaftaran NGO dan Korporat	226,100.00
Sumbangan Daging	534,868.00
Jumlah	2,101,818.00

Perbelanjaan Projek Korban

Perkara	Kos (RM)
Gaza, Palestin	1,460,500.00
Uganda	8,100.00
Malaysia	37,037.65
Jumlah	1,505,637.65

Jumlah Keseluruhan

Jumlah Kutipan (RM)	2,101,818.00
Jumlah Perbelanjaan Projek (RM)	1,505,637.65

*Lebihan sumbangan dimasukkan ke projek-projek jangka masa panjang.

NGO KERJASAMA DANA DAN TAJAAN KORPORAT KORBAN4GAZA

BIL	NGO/SYARIKAT	SUMBANGAN
1	IMAN CARE	1 Ekor
2	MISI SEDEKAH JUMAAT	2 Ekor
3	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SEDEKAH SUBUH	1 Ekor
4	EZ QURBAN SDN BHD	5 Ekor
5	YAYASAN AMAL MALAYSIA	2 Ekor
6	PAS RELIEF	1 Ekor
7	DANA KITA	3 Ekor
8	N'AI SYAH XCLUSIVE	1 Ekor
9	HIJAB GALERIA	1 Ekor
10	HS OPTOMETRIST	Sumbangan Daging

IMPAK PROJEK

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Biro Perangkaan Pusat Palestin, keluarga di Semenanjung Gaza mengalami kemiskinan lebih daripada 53% dan kemiskinan melampau lebih daripada 33.8%. Kebergantungan kepada bantuan luar pula kekal pada kadar 80% dan dijangka akan terus meningkat sekiranya tiada usaha memperkasakan ekonomi setempat.

Dalam projek Korban4Gaza pada tahun ini, sebanyak 27,815 kilogram daging lembu korban telah diagihkan ke seluruh 5 buah daerah di Semenanjung Gaza yang memanfaatkan 27,815 buah keluarga atau 139,075 individu asnaf yang benar-benar memerlukan. 5 daerah tersebut ialah Gaza Utara, Bandar Gaza, Gaza Tengah, Khan Younis, dan Rafah. Kadar agihan adalah berdasarkan agihan sebenar Jawatankuasa Zakat Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama, Palestin yang bergantung kepada kepadatan penduduk dan kadar kemiskinan di daerah tersebut.

27,815 buah keluarga ini telah dinilai sebagai keluarga yang paling dhaif dan tidak mendapat bantuan daging korban daripada NGO yang lain. Sumbangan ini memberikan impak jangka masa pendek kepada penerima manfaat dalam bentuk bekalan makanan ruji yang berkhasiat dan juga kegembiraan kepada para asnaf yang hanya dapat menikmati juadah daging lembu setahun sekali.

Jumlah keseluruhan penerima manfaat pada kali ini ialah 139,075 individu, menunjukkan penurunan sebanyak 33,525 individu atau 19.4% berbanding tahun 2021. Penurunan ini berkaitan dengan sambutan yang kurang memberangsangkan pada awal kempen. Namun begitu, sasaran awal 48,000 penerima manfaat dan 40 ekor lembu telah berjaya dicapai malah telah melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, projek Korban4Gaza 2022 telah selesai dilaksanakan mengikut kepada penyelarasan skop, masa, dan kos seperti yang sepatutnya. Terdapat beberapa cabaran dan tindakan drastik yang perlu diambil bagi memastikan projek Korban4Gaza kali ini dapat berjalan dengan lancar dan memberikan manfaat yang lebih banyak kepada mereka yang memerlukan. Kejayaan kempen Korban4Gaza kali ini adalah hasil usaha dan kerjasama daripada semua pihak pemegang taruh. Semoga projek Korban4Gaza dapat diteruskan dan ditambah baik pada tahun-tahun yang akan datang.

GALERI

Pautan Google Photos untuk gambar-gambar aktiviti sepanjang kempen Korban4Gaza 2022 berlangsung:



<https://photos.app.goo.gl/dHP5x-9GRbbtxdYwV8>



A black and white photograph of a man with a beard, wearing a light-colored long-sleeved shirt and dark pants, kneeling on the ground. He is holding the hand of a young child. The child is wearing a light-colored tank top and dark shorts, and is holding two white plastic bags. They are standing in front of a structure made of rough, vertical wooden planks or logs. The overall scene suggests a humanitarian or relief effort.

Cinta Gaza
Malaysia

🔍 cgm.com.my 📞 CGM HQ: +603-8912 4588 🗨️ CGM HQ: +6016-463 6354

PERSATUAN CINTA GAZA MALAYSIA, 6-37-02 (Aras 1), Jalan Medan, Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.